



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 6 TAHUN 2019

GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DAN PROFESOR EMERITUS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bahagian Hal Ehwal Akademik
13 Ogos 2019

Disalankan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

13 OGOS 2019

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 6 TAHUN 2019

**GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN
IJAZAH KEHORMAT DAN GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-181 Bilangan 8/2019 yang bersidang pada 13 Ogos 2019 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat dan Garis Panduan Profesor Emeritus Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- 2.2 Ia bertujuan untuk memberi panduan kepada Fakulti/ Pusat/ Institut, Jawatankuasa Ijazah Kehormat, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti dalam membuat keputusan bagi hal-hal berkaitan penganugerahan Ijazah Kehormat.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperakui dan meluluskan keputusan seperti berikut:
- 3.1.1 meluluskan Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat dan Garis Panduan Profesor Emeritus Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 - 3.1.2 Garis panduan ini akan berkuatkuasa selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
 - 3.1.3 Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat dan Garis Panduan Profesor Emeritus Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(SUHAILA SIDEK)
Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik



**GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ia bertujuan untuk memberi rujukan dan panduan kepada pihak yang berkenaan mengenai hal-hal berkaitan penganugerahan ijazah Kehormat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti mempunyai kuasa untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang. (Perenggan 22(6)(b) Perlembagaan UPSI).
- 2.2 Satu jawatankuasa di bawah Senat telah ditubuhkan mengikut Seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu Jawatankuasa Ijazah Kehormat bagi mengenalpasti kriteria dan calon-calon yang layak diberikan anugerah tersebut.

3. KRITERIA CALON IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat Kali Ke-25 Bilangan 1/2014 pada 3 April 2014 telah meluluskan Kriteria Pemilihan Calon Ijazah Kehormat seperti berikut:

- i. Berjasa kepada Universiti dan Negeri dan Negara dan Masyarakat dalam bidang keilmuan.
- ii. Mempunyai latar belakang kecemerlangan dalam bidang kerjaya.
- iii. Mempunyai ketokohan dalam sesuatu bidang.
- iv. Mempunyai latar belakang peribadi yang baik dan dikenali umum.

3.2 Calon Yang Tidak Boleh Dipertimbangkan (Melainkan Jika Ada Alasan Khas)

- i. Ahli-ahli Politik yang sedang memegang jawatan di dalam kerajaan.
- ii. Pegawai-pegawai yang masih berkhidmat dengan kerajaan.
- iii. Kakitangan penuh masa Universiti Pendidikan Sultan Idris semasa tempoh perkhidmatan mereka dengan universiti ini.
- iv. Calon-calon yang menimbulkan kontroversi berdasarkan maklumat yang boleh diperolehi daripada sumber rasmi seperti SPRM manakala bagi aspek keselamatan adalah melalui Kementerian Dalam Negeri.

3.3 Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat Kali Ke-34 Bilangan 2/2017 pada 9 Mei 2017 memperincikan penganugerahan dalam dua kategori berikut:

- i. Tokoh yang memberi sumbangan dalam dunia akademik
- ii. Tokoh yang memberi sumbangan dalam dunia korporat

- 3.4 Calon Ijazah Kehormat Doktor Falsafah haruslah memiliki kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda; daripada universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf.
- 3.5 Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengurniakan Ijazah Kehormat yang difikirkan sesuai (contohnya Ijazah Kehormat Sarjana) kepada mana-mana individu berdasarkan kriteria di atas tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

4. PROSEDUR PENCALONAN

- 4.1 Pencalonan seseorang tokoh penerima Ijazah Kehormat boleh dibuat oleh Fakulti/ Pusat/ Institut melalui mesyuarat di jabatan masing-masing.
- 4.2 Kesemua pencalonan perlu dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat sebelum diperakuan oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan.
- 4.3 Carta alir proses pencalonan Ijazah Kehormat adalah seperti di **Lampiran A**.

5. TANGGUNGJAWAB FAKULTI / PUSAT / INSTITUT

- 5.1 Fakulti / Pusat / Institut selepas bersetuju mencalonkan mana-mana tokoh sebagai penerima Ijazah Kehormat hendaklah melengkapkan Borang Cadangan Penganugerahan Ijazah Kehormat di **Lampiran B** dan mencadangkan nama Ijazah Kehormat yang bakal dianugerahkan.
- 5.2 Borang Pencalonan tersebut hendaklah dilampirkan bersama dengan Biodata Tokoh Calon yang perlu disediakan dalam antara 5 hingga 20 muka surat berlangkau 1.5" dan font ARIAL 11 yang boleh disediakan di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 5.3 Kedua-dua borang dan biodata tokoh hendaklah diserahkan kepada BHEA mengikut garis masa yang akan ditetapkan bergantung kepada tarikh Istiadat Konvokesyen pada tahun tersebut.
- 5.4 Fakulti / Pusat / Institut perlu melantik seorang pegawai sebagai 'liaison officer' antara penerima dan pihak Universiti dalam urusan temu janji mendapatkan gambar, video (jika perlu), ukuran badan bagi penyediaan jubah penerima, ucapan jasa (citation) dan lain-lain urusan sehinggalah Istiadat Konvokesyen bagi penganugerahan tokoh tersebut selesai.
- 5.5 Menyediakan ucapan jasa (citation) dalam bentuk (Powerpoint); sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan jumlah slaid tidak melebihi lima (5) slaid dan memfokuskan kepada pencapaian dan sumbangan penerima gelaran.

6. JAWATANKUASA IJAZAH KEHORMAT

6.1 Ahli Jawatankuasa Ijazah Kehormat terdiri daripada:

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli	:	Semua Timbalan Naib Canselor Dekan-Dekan Fakulti (wajib dan tidak boleh diwakilkan) Pengarah setiap institut atau pusat
Setiausaha	:	Pendaftar/wakil

*Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) atau wakilnya sekiranya tidak dapat dipengerusikan oleh Naib Canselor.

6.2 Fungsi Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab kepada Senat berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menentukan dasar, peraturan dan kriteria pemilihan calon-calon Ijazah Kehormat dan Profesor Emeritus
- ii. Mengenalpasti calon-calon yang akan dianugerahkan Ijazah Kehormat

7. IJAZAH KEHORMAT YANG DIKURNIAKAN

7.1 Dengan keizinan Lembaga Pengarah Universiti, penganugerahan Ijazah Kehormat kepada mana-mana individu boleh diberikan oleh Senat berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Ijazah Kehormat.

7.2 Penentuan nama Ijazah Kehormat yang dikurniakan adalah berpandukan kepada latar belakang sumbangan calon penerima seperti berikut :

- i. Ijazah Kehormat Doktor Sains Pertanian
Honorary Degree of Doctor of Agricultural Science
- ii. Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Honorary Degree of Doctor of Information Technology and Communication
- iii. Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
Honorary Degree of Doctor of Management
- iv. Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi
Honorary Degree of Doctor of Economy
- v. Ijazah Kehormat Doktor Kesenian
Honorary Degree of Doctor of Arts
- vi. Ijazah Kehormat Doktor Perkomputeran
Honorary Degree of Doctor of Computer
- vii. Ijazah Kehormat Doktor Multimedia
Honorary Degree of Doctor of Multimedia
- viii. Ijazah Kehormat Doktor Kaunseling
Honorary Degree of Doctor of Counselling

- ix. Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Manusia
Honorary Degree of Doctor of Human Development
- x. Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan
Honorary Degree of Doctor of Education
- xi. Ijazah Kehormat Doktor Sains Kemanusiaan
Honorary Degree of Doctor of Human Sciences
- xii. Ijazah Kehormat Doktor Sains Sukan
Honorary Degree of Doctor of Sport Sciences
- xiii. Ijazah Kehormat Doktor Sains
Honorary Degree of Doctor of Sciences
- xiv. Ijazah Kehormat Doktor Matematik
Honorary Degree of Doctor of Mathematics
- xv. Ijazah Kehormat Doktor Biologi
Honorary Degree of Doctor of Biology
- xvi. Ijazah Kehormat Doktor Fizik
Honorary Degree of Doctor of Physics
- xvii. Ijazah Kehormat Doktor Kimia
Honorary Degree of Doctor of Chemistry
- xviii. Ijazah Kehormat Doktor Persuratan
Honorary Degree of Doctor of Correspondence
- xix. Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan
Honorary Degree of Doctor of Literacy
- xx. Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan
Honorary Degree of Doctor of Leadership and Education Development
- xxi. Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Pendidikan
Honorary Degree of Doctor of Education Management
- xxii. Ijazah Kehormat Doktor Seni Muzik
Honorary Degree of Doctor of Music
- xxiii. Ijazah Kehormat Doktor Seni Tari
Honorary Degree of Doctor of Dance Arts
- xxiv. Ijazah Kehormat Doktor Seni Persembahan
Honorary Degree of Doctor of Performance Arts
- xxv. Ijazah Kehormat Doktor Seni Teater
Honorary Degree of Doctor of Theatre

- xxvi. Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Teknik dan Vokasional
Honorary Degree of Doctor of Technical and Vocational
- 7.3 Senat juga boleh menganugerahkan Ijazah Kehormat lain dari semasa ke semasa, selain daripada yang disenaraikan dalam klausu 7.2 di atas.

8. GELARAN DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN

- 8.1 Ijazah Kehormat
- 8.1.1 Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2007 KPT menetapkan penggunaan gelaran Doktor (Dr.) bagi penerima yang masih belum mempunyai kelayakan PhD adalah dihadkan dalam majlis-majlis Universiti sahaja.
- 8.1.2 Cara penulisan gelaran Doktor (Dr.) hendaklah diletak di hadapan nama penerima dengan tanda kurungan seperti contoh berikut:
- YBhg. (Dr.) Ali bin Abu
 Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan
- 8.1.3 Bagi penerima Sarjana Kehormat pula, tiada apa-apa gelaran yang boleh digunakan di hadapan nama tokoh penerima.
- 8.2 Walau apa pun yang ditetapkan pada klausu 8.1.1 dan 8.1.2, ianya adalah tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh kerajaan maupun Universiti.
- 8.3 Penerima Ijazah Kehormat akan diberikan jubah penganugerahan yang perlu dipakai semasa Istiadat Konvokesyen tersebut berlangsung. Jubah tersebut akan menjadi hak milik penerima dan hanya boleh digunakan untuk majlis UPSI sahaja.
- 8.4 Tiada kemudahan lain yang diberikan kepada penerima Ijazah Kehormat. Walau bagaimanapun, Fakulti / Pusat / Institut tidak dihalang daripada menyediakan kemudahan seperti bilik kerja tertakluk kepada keperluan dan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

9. TERMA RUJUKAN

- 9.1 Pertimbangan Jawatankuasa Ijazah Kehormat berdasarkan kriteria pencalonan pada klausu 3.1 mencakupi pembuktian terhadap perkara berikut:
- Ketokohan seseorang calon yang bersifat luar biasa (extraordinary) atau terbilang.
 - Keintelektualan seseorang calon melalui pemikiran bernalas dan saranan tindakan strategik tentang isu-isu yang meliputi kemanusiaan sejahtera dan berkaitan dengan ikhtiar mengatasi cabaran yang dihadapi oleh negara dan masyarakat.

- 9.2 'Liaison Officer' pada Perenggan 5.4 adalah merujuk kepada Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar atau lain-lain pegawai yang difikirkan sesuai di fakulti/pusat/institut yang mencalonkan penerima.
- 9.3 Biodata Calon Tokoh Penerima pada Perenggan 5.2 bermaksud satu dokumen ringkas yang mengandungi gambar dan data diri calon tokoh.


10. PENUTUP

- 10.1 Pemilihan seseorang calon penerima Ijazah Kehormat adalah keputusan muktamad Senat.
- 10.2 Mana-mana perkara yang tidak dirangkumi dalam garis panduan ini tetapi digunakan dalam pelaksanaan proses kerja penganugerahan serta tiada mendatangkan mudarat kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau mana-mana peraturan semasa yang berkuatkuasa adalah dibenarkan.
- 10.3 Garis Panduan ini juga boleh dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mahupun Universiti atau tuntutan lain bertujuan sebagai penambahbaikan kepada proses sedia ada.
- 10.4 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan Garis Panduan ini bolehlah disalurkan kepada:

Unit Pengijazahan
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan
Telefon : 05-4506994/6313
Emel : pengijazahan.bhea@upsi.edu.my


Lampiran A1

**CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON PENERIMA IJAZAH KEHORMAT
(CALON TEMPATAN)**



Lampiran A2

**CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON PENERIMA IJAZAH KEHORMAT
(CALON LUAR NEGARA)**



Lampiran B



**CADANGAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-_ TAHUN_**

Nama				
Nama Anugerah				
Peringkat				
Bidang				
Kelas	<input type="checkbox"/> Dunia Akademik <input type="checkbox"/> Dunia Korporat			
No. Kad Pengenalan			Umur	
Alamat	Rasmi :			
	Rumah :			
Telefon	Rasmi :	Rumah:	Bimbit :	
Justifikasi Pencalonan				
*Nyatakan kekuatan &kelebihan calon				
Contoh :				
<i>Berjasa kepada Universiti dan Negeri dan Negara dan Masyarakat dalam bidang keilmuan</i>				
<i>Mempunyai latarbelakang kecemerlangan dalam bidang kerjaya</i>				
<i>Mempunyai ketokohan dalam sesuatu bidang</i>				
<i>Mempunyai latar belakang peribadi yang baik dan dikenali umum</i>				

***Sila sertakan “curriculum vitae” tokoh yang dicalonkan**

GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN PROFESOR EMERITUS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ia bertujuan untuk memberi panduan kepada Fakulti / Pusat / Institut, Jawatankuasa Ijazah Kehormat, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti dalam membuat keputusan bagi hal-hal berkaitan penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Gelaran Profesor Emeritus

- 2.1.1 Profesor Emeritus adalah satu anugerah seumur hidup untuk Profesor yang telah bersara sepenuhnya dari perkhidmatan tetapi terus menyumbang dalam bidang keilmuan. (Garis Panduan Penggunaan Gelaran Profesor, Majlis Profesor Negara, 2014).
- 2.1.2 Gelaran ini boleh digunakan oleh pemegang sepanjang hayat dan tidak menerima sebarang ganjaran tambahan.

3. KRITERIA CALON GELARAN PROFESOR EMERITUS

- 3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat Kali Ke-25 Bilangan 1/2014 pada 3 April 2014 dan Mesyuarat Senat Kali Ke-134 Bilangan 9/2015 pada 22 September 2015 telah meluluskan kriteria penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus seperti berikut:
 - i. Berkhidmat dengan UPSI sebagai Profesor sepenuh masa bagi tempoh tidak kurang tujuh (7) tahun;
 - ii. Calon hendaklah yang telah bersara wajib dan tidak lagi berkhidmat secara kontrak dengan UPSI;
 - iii. Bagi Profesor yang dipinjamkan ke organisasi luar, tempoh pinjaman adalah diambil kira sebagai tempoh tujuh (7) tahun tersebut;
 - iv. Mempamerkan kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pentadbiran;
 - v. Merupakan Ahli Akademik yang tersohor dan termasyhur dalam bidang yang diceburi;
 - vi. Menyumbang perkhidmatan yang gemilang dari segi sumbangan idea dan tenaga dalam memajukan bidang kepakarannya sepanjang perkhidmatannya di Universiti;

- vii. Memberikan sumbangan idea dan tenaga terhadap pembangunan dan perkembangan Universiti;
- viii. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan keperibadian yang tinggi;
- ix. Tidak pernah dikenakan tata tertib oleh Universiti atau tindakan mana-mana mahkamah.

4. PROSEDUR PENCALONAN

- 4.1 Pencalonan seseorang tokoh penerima Profesor Emeritus boleh dibuat oleh Fakulti / Pusat / Institut melalui mesyuarat di jabatan masing-masing.
- 4.2 Kesemua pencalonan perlu dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat sebelum diperakuan oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan.
- 4.3 Carta alir proses pencalonan Profesor Emeritus adalah seperti di **Lampiran A**.

5. TANGGUNGJAWAB FAKULTI / PUSAT / INSTITUT

- 5.1 Fakulti / Pusat / Institut selepas bersetuju mencalonkan mana-mana tokoh sebagai penerima Profesor Emeritus hendaklah melengkapkan Borang Cadangan Penerima Profesor Emeritus di **Lampiran B**.
- 5.2 Borang Pencalonan tersebut hendaklah dilampirkan bersama dengan Biodata Tokoh Calon yang perlu disediakan dalam antara 5 hingga 20 muka surat berlangkau 1.5" dan font ARIAL 11 yang boleh disediakan di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 5.3 Kedua-dua borang dan biodata tokoh hendaklah diserahkan kepada BHEA mengikut garis masa yang akan ditetapkan bergantung kepada tarikh Istiadat Konvokesyen pada tahun tersebut.
- 5.4 Fakulti / Pusat / Institut perlu melantik seorang pegawai sebagai 'liaison officer' antara penerima dan pihak Universiti dalam urusan temu janji mendapatkan gambar, video (jika perlu), ukuran badan bagi penyediaan jubah penerima, slide, teks 'citation' dekan dan lain-lain urusan sehinggalah Istiadat Konvokesyen bagi penganugerahan tokoh tersebut selesai.
- 5.5 Menyediakan ucapan jasa (citation) dalam bentuk (Powerpoint); sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan jumlah slaid tidak melebihi lima (5) slaid dan memfokuskan kepada pencapaian dan sumbangan penerima gelaran.

6. JAWATANKUASA IJAZAH KEHORMAT

- 6.1 Ahli Jawatankuasa Ijazah Kehormat terdiri daripada:

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli	:	Semua Timbalan Naib Canselor Dekan-Dekan Fakulti (wajib dan tidak boleh diwakilkan) Pengarah setiap institut atau pusat
Setiausaha	:	Pendaftar/wakil

*** Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) atau wakilnya sekiranya tidak dapat dipengerusikan oleh Naib Canselor.**

- 6.2 Fungsi Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab kepada Senat berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:
- i. Menentukan dasar, peraturan dan kriteria pemilihan calon-calon Profesor Emeritus
 - ii. Mengenalpasti calon-calon yang akan dianugerahkan Gelaran Profesor Emeritus.

7. TUGAS DAN FUNGSI

- 7.1 Penganugerahan Profesor Emeritus tidak memberikan ganjaran kewangan atau hak menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa atau badan lain di Universiti atau memberikannya kuasa bagi menjalankan apa-apa fungsi eksekutif atau pentadbiran.
- 7.2 Layak memakai jubah konvokesyen dan berbaris dalam perarakan Konvokesyen sebagai staf akademik Universiti ketika majlis konvokesyen serta disenaraikan dalam buku cenderamata konvokesyen.
- 7.3 Dijemput menghadiri upacara Universiti yang berkaitan bidang kepakaran beliau.
- 7.4 Dijemput menghadiri mesyuarat Fakulti sebagai ahli turut hadir tetapi tidak mempunyai kuasa mengundi mengikut budi bicara Dekan Fakulti. Profesor Emeritus boleh dijemput menghadiri mesyuarat fakulti sebagai ahli turut hadir.
- 7.5 Profesor Emeritus yang berhasrat untuk terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan atau aktiviti akademik Universiti adalah layak untuk disediakan kemudahan pengangkutan dan bantuan staf sokongan. Permohonan bagi mendapatkan kemudahan tersebut di atas perlu dibuat kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dengan sokongan Dekan Fakulti berkenaan.
- 7.6 Profesor Emeritus yang ingin menyambung untuk menyelia pelajar siswazah, atau memainkan peranan utama dalam pengendalian persidangan profesional, atau aktiviti kesarjanaan lain akan disediakan kemudahan dan bantuan dalam menjayakan peranan mereka.

8. PENGGUNAAN PERUNTUKAN LUAR

- 8.1 Sekiranya seorang Profesor Emeritus mendapat geran penyelidikan atau lain-lain aktiviti kesarjanaan dengan penajaan luar, dekan perlu memperakurkan kepada Naib Canselor supaya membenarkan beliau menggunakan peruntukan tersebut.

- 8.2 Maklumat berikut akan digunakan dalam membantu Naib Canselor dalam membuat keputusan:
- i. Nilai peruntukan yang akan digunakan.
 - ii. Maklumat penyelidikan atau lain-lain aktiviti kesarjanaan yang menggunakan peruntukan tersebut.
 - iii. Pengesahan daripada Bendahari bahawa pengurusan kewangan adalah teratur.

9. GELARAN DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN

9.1 Gelaran Profesor Emeritus

- 9.1.1 Gelaran Profesor Emeritus boleh digunakan oleh penerima seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penggunaan Gelaran Profesor yang dikeluarkan oleh Majlis Profesor Negara, Jabatan Perdana Menteri pada 2014.
- 9.1.2 Cara penulisan gelaran Profesor Emeritus hendaklah diletak di hadapan nama penerima seperti contoh berikut:
- YBhg. Profesor Emeritus Ali bin Abu
Profesor Emeritus UPSI
- 9.2 Walau apa pun yang ditetapkan pada klausula 8.1.1 dan 8.1.2, ianya adalah tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh kerajaan mahupun Universiti.
- 9.3 Penerima Gelaran Profesor Emeritus akan diberikan jubah penganugerahan yang perlu dipakai semasa Istiadat Konvokesyen tersebut berlangsung. Jubah tersebut akan menjadi hak milik penerima dan hanya boleh digunakan untuk majlis UPSI sahaja.
- 9.4 Diberikan keahlian kehormat perpustakaan.
- 9.5 Fakulti perlu menyediakan kemudahan bilik kerja, emel, dan talian telefon kepada Profesor Emeritus.

10. TIDAK TERMASUK DALAM KELAYAKAN

10.1 Profesor Emeritus tidak layak perkara berikut kecuali dengan kelulusan Naib Canselor:

- i. Mengetuai kumpulan penyelidikan atau perundingan daripada geran universiti.
- ii. Mengurus peruntukan penyelidikan.
- iii. Terlibat dalam Jawatankuasa Pemilih.
- iv. Lain-lain jawatankuasa di peringkat universiti seperti Panel Penilaian Prestasi, Panel Kenaikan Pangkat.
- v. Memegang jawatan pentadbiran.
- vi. Menjadi penyelia utama bagi penyeliaan pelajar siswazah.

11. PENARIKAN BALIK GELARAN

Lembaga Pengarah Universiti atas budi bicaranya boleh menarik balik gelaran Profesor Emeritus apabila pemegang gelaran tersebut telah disabitkan kesalahan jenayah atau salahlaku dan melibatkan diri dalam aktiviti yang menjelaskan nama baik Universiti Pendidikan Sultan Idris.

12. TERMA RUJUKAN

- 12.1 'Liaison Officer' pada Klausus 4.4 adalah merujuk kepada Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar atau lain-lain pegawai yang difikirkan sesuai di fakulti/pusat/institut yang mencalonkan penerima.
- 12.2 Biodata Calon Tokoh Penerima pada Klausus 4.2 bermaksud satu dokumen ringkas yang mengandungi gambar dan data diri calon tokoh.


13. PENUTUP

- 13.1 Pemilihan seseorang calon penerima Profesor Emeritus adalah keputusan muktamad Senat.
- 13.2 Mana-mana perkara yang tidak dirangkumi dalam garis panduan ini tetapi digunakan dalam pelaksanaan proses kerja penganugerahan serta tiada mendatangkan mudarat kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau mana-mana peraturan semasa yang berkuatkuasa adalah dibenarkan.
- 13.3 Garis Panduan ini juga boleh dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mahupun Universiti atau tuntutan lain bertujuan sebagai penambahbaikan kepada proses sedia ada.
- 13.4 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan Garis Panduan ini bolehlah disalurkan kepada:

Unit Pengijazahan
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
Telefon : 05-4506994/6313
Emel : pengijazahan.bhea@upsi.edu.my


Lampiran A1

CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON PENERIMA IJAZAH KEHORMAT DAN GELARAN PROFESOR EMERITUS



Lampiran A2

**CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON PENERIMA IJAZAH KEHORMAT
(CALON LUAR NEGARA)**



Lampiran B



**CADANGAN PENERIMA PROFESOR EMERITUS
ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-_ TAHUN_**

Nama				
Nama Anugerah				
Peringkat				
Bidang				
Kelas	<input type="checkbox"/> Dunia Akademik <input type="checkbox"/> Dunia Korporat			
No. Kad Pengenalan			Umur	
Alamat	Rasmi :			
	Rumah :			
Telefon	Rasmi :	Rumah:	Bimbit :	
Justifikasi Pencalonan				
*Nyatakan kekuatan &kelebihan calon				
Contoh :				
<i>Pengajaran</i>				
<i>Penyelidikan</i>				
<i>Konferensi, Seminar dan Bengkel</i>				
<i>Pentadbiran</i>				
<i>Perundingan (Dalam Negara)</i>				
<i>Perundingan (Luar Negara)</i>				
<i>Corporate Social Responsibility (CSR)</i>				
<i>Penghargaan</i>				

***Sila sertakan "curriculum vitae" tokoh yang dicalonkan**